

# Air: Malaysia belum cadang runding semula dengan Singapura

KUALA LUMPUR 27 Mac - Kerajaan belum bercadang untuk mengadakan semula rundingan dengan Singapura berhubung isu air, kata Setiausaha Parlimen Kementerian Luar, Ahmad Shabery Cheek.

Menurut beliau, Perjanjian Bekalan Air antara Johor dan Singapura yang ditandatangani pada tahun 1961 dan 1962 akan tamat pada 2011 dan 2061.

Katanya, sejak tahun 90-an kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif termasuk mengadakan rundingan dengan republik

itu berhubung isu tersebut tetapi segala perbincangan tidak mencapai sebarang kata putus.

"Kerajaan sedang mengkaji sama ada untuk membawa perkara ini ke timbang tara atau bercadang untuk mengadakan semula rundingan dua hala dengan republik itu walaupun Johor sudah tidak lagi bergantung kepada air yang dirawat dari Singapura.

"Begitu juga dengan mereka (Singapura), kini sudah ada sumber airnya yang sendiri

UM - 28/3/2007  
dikenali sebagai Newater," ujarnya.

Ahmad Shabery berkata demikian ketika menjawab soalan **Datuk Md. Alwi Che Ahmad (BN-Ketereh)** pada sidang Dewan Rakyat, hari ini.

Pada tahun 2003, kerajaan Singapura melancarkan satu kempen bagi menyediakan penduduknya untuk menerima air pembentungan yang diproses kepada air minuman yang dinamakan sebagai *Newater*.

Sementara itu, menjawab soalan tamba-

han Md. Alwi berhubung isu Batu Putih dan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) yang turut melibatkan republik itu, Ahmad Shabery berkata, kerajaan ketika ini tidak bercadang untuk membincangkan perkara tersebut.

"Kita pendamkan hal ini buat sementara waktu kerana ketika isu pembinaan jambatan diperbincangkan, ia melibatkan ruang udara negara dan bekalan pasir yang sedikit sebanyak telah 'menggangu' emosi rakyat kita," katanya.